

Headline Jejak Rasul ketengah konsep travelog dialami Ibn Battut...
Date 19. Aug 2008
Media Title Berita Harian
Section Nasional
Circulation 217920
Readership 2083000
Language MALAY
Page No 41
Article Size 340 cm2
Frequency Daily
Color Full Color
AdValue 6027.18



Jejak Rasul ketengah konsep travelog dialami Ibn Battutah

RIHLAH Ibn Battutah mengisahkan pengembaraan pengembara Arab yang terkenal pada abad ke-14, menjadi tema program dokumentari berbentuk ilmiah Jejak Rasul 14 yang bakal menemui penonton sepanjang Ramadan ini.

Program 30 episod yang menyusur kembali perjalanan selama 29 tahun pengembara kelahiran Tangier, Maghribi ke 44 negara membawa penonton melihat sendiri tempat pernah dilawati Ibn Battutah seperti diceritakan dalam buku Rihlah Ibn Battutah.

Penerbit Eksekutif Jejak Rasul 14, Abdul Rauf Rhan, berkata program kali ini menentang konsep travelog atau catatan pengembaraan berserta visual yang dialami Ibn Battutah sebagai tokoh ilmuwan Islam hebat.

Katanya, kisah pengembaraan itu bukan saja mengangkat personaliti pengembara masyhur itu tetapi isi kandungan buku Rihlah Ibn Battutah yang menceritakan segala-galanya mengenai adat resam, peperangan, kisah aneh dan pelbagai peristiwa politik serta sosial dilalui Ibn Battutah.

"Tema Ibn Battutah bertujuan menghargai sumbangan besar ilmuwan Islam kepada perkembangan tamadun Islam. Jika Barat



SIMBOLIK: Zahid (dua dari kiri) menerima watikah daripada Morocco oleh seorang penunggang kuda sambil diperhatikan Abdul Mutalib (kanan) dan Amrin pada pelancaran Jejak Rasul ke-14 di Sri Pentas TV3, Bandar Utama.

dia Prima Berhad, Datuk Abdul Mutalib Mohamed Razak dan Ketua Pegawai Eksekutif TV3, Datuk Amrin Awaluddin.

Jejak Rasul 14 membawa pengacaranya, Ahmad Noor Sulaiman serta krew penerbitan mengembara keenam negara pilihan yang pernah dilawati Ibn Battutah iaitu Maghribi, Oman, Turki, India, Sri Lanka dan Maldives.

Perjalanan selama 90 hari krew penerbitan menjejaki semula pengalaman menarik ditempuh Ibn Battutah seperti mana diceritakan

buku terjemahan bahasa Malaysia, Pengembaraan Ibn Battutah, terbitan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang turut melakar sejarah negara kerana memakan masa 10 tahun disiapkan bermula 1993 hingga 2003.

Keseluruhan teks itu diterjemahkan Pensyarah Jabatan Bahasa Asing Universiti Putra Malaysia (UPM), Syed Nurul Akla Syed Abdullah dan Felo Penyelidik Institut Pemikiran dan Peradaban Islam Antarabangsa (Istac), Adi Setia Muhammad Dom, manakala tugas pe-

nyuntingan dilakukan bekas Ketua Pengarah IKIM yang kini Penyanggah Kursi Syeikh Abdullah Fahim Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Datuk Dr Ismail Ibrahim bersama Pegawai Penyelidik IKIM, Wan Roslili Abd Majid.

Berdasarkan pengalaman dituliskan, Ibn Battutah menetap paling lama di India dan dilantik menjadi kadi selama dua tahun. Begitu juga seterusnya di China, beliau sekali lagi memegang jawatan kadi selama satu setengah tahun.



Abdul Rauf Rhan

berbangga dengan Marco Polo, kita boleh bangga dengan Ibn Battutah yang pencapaiannya bukan saja sebanding, malah lebih baik daripada Marco Polo.

"Menjadi hasrat Jejak Rasul 14 untuk memperkenalkan kehebatan tokoh ini kepada penonton terutama generasi muda supaya mengambil iktibar daripada pengembaraan selama 29 tahun Ibn Battutah," katanya yang ditemui pada majlis pelancaran Jejak Rasul 14 di Sri Pentas TV3.

Majlis penuh simbolik dengan kehadiran penunggang kuda berpakaian ala 'Pak Arab' itu dirasmikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. Hadir sama, Pengerusi Me-